

DDDD

U 098Z DEB

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 JAN (BERNAMA) -- UMNO AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN YANG UTAMA BAGI MENJAMIN KEUTUHAN ISLAM DI NEGARA INI, KATA PRESIDENNYA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT TELAH SEDIA SEDAR BAHAWA UMNO MERUPAKAN PARTI POLITIK YANG BENAR-BENAR IKHLAS UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI MURNI KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

DALAM KATA-KATA SAMBUTANNYA SEMPENA MUKTAMAR KESEDARAN UMMAH ANJURAN BIRO DAKWAH PERGERAKAN PEMUDA UMNO HARI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MUKTAMAR ITU AKAN BERUSAHA MENENTUKAN AGAR UMAT ISLAM DI NEGARA INI DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DALAM PELBAGAI BIDANG.

MENURUTNYA PADA MASA KINI TELAH WUJUD KESEDARAN YANG LEBIH TERHADAP ISLAM BUKAN SAHAJA DI NEGARA-NEGARA ISLAM SENDIRI BAHKAN JUGA DI SELURUH DUNIA.

DALAM HAL INI, UMAT ISLAM HENDAKLAH MENGAMBIL PELUANG DARIPADA WUJUDNYA KESEDARAN YANG LEBIH INI DENGAN MERANCANG DAN BERGERAK DEMI KESEJAHTERAAN UMMAH. -- BERNAMA

DDDDXST 01 01 87